

SOALAN LAZIM
SEMASA SEMINAR CUKAI KEUNTUNGAN MODAL
PADA 18 JULAI 2024, 1 OGOS 2024, 8 OGOS 2024 DAN 15 OGOS 2024

(Dikemaskini sehingga 30 November 2024)

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
UMUM		
1	Apa itu Cukai Keuntungan Modal (CKM)?	CKM ialah cukai yang dikenakan ke atas laba atau keuntungan daripada pelupusan aset modal di bawah perenggan 4(aa) Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP).
2	Siapa yang tertakluk kepada CKM?	CKM dikenakan ke atas pembayar cukai berikut: (a) Syarikat; (b) perkongsian liabiliti terhad; (c) badan amanah; dan (d) koperasi. *Individu tidak tertakluk kepada CKM.
3	Apakah yang dimaksudkan dengan "aset modal"?	Aset modal bermaksud: (a) harta alih atau harta tidak alih yang terletak di luar Malaysia termasuk sebarang hak atau kepentingan ke atasnya; atau (b) harta alih yang terletak di Malaysia yang merupakan syer syarikat yang diperbadankan di Malaysia yang tidak tersenarai di bursa saham (termasuk sebarang hak atau kepentingan ke atasnya) yang dimiliki oleh suatu syarikat, perkongsian liabiliti terhad, badan amanah atau koperasi.
4	Apakah maksud "bursa saham" dalam konteks CKM?	Bursa saham merujuk kepada takrifan di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007.
5	Adakah saham yang bersifat hutang layak dikenakan CKM? Sebagai contoh, 'redeemable preference shares' (RPS).	Saham yang tertakluk kepada CKM adalah saham yang bersifat ekuiti termasuk RPS yang bersifat ekuiti. Dalam menentukan saham bersifat ekuiti, rujukan boleh dibuat kepada Garis Panduan Layanan Cukai Bagi Instrumen Hibrid.

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
CKM KE ATAS KEUNTUNGAN DARIPADA PELUPUSAN SAHAM TIDAK TERSENARAI ATAU SAHAM DI BAWAH SEKSYEN 15C ACP (CKM DOMESTIK)		
6	Bilakah pengenaan CKM mula berkuat kuasa?	Pengenaan CKM adalah berkuat kuasa mulai 1 Januari 2024. Namun, pelaksanaan CKM adalah bermula pada 1 Mac 2024.
7	Apakah jenis aset modal yang tertakluk kepada CKM?	CKM dikenakan ke atas laba atau keuntungan daripada pelupusan aset modal yang terdiri daripada: (a) saham tidak tersenarai (STT) syarikat yang diperbadankan di Malaysia; atau (b) Saham syarikat terkawal diperbadankan di luar Malaysia yang memiliki harta tanah yang terletak di Malaysia atau saham syarikat terkawal lain atau kedua-duanya (saham seksyen 15C ACP).
8	Bilakah tarikh pelupusan aset modal dianggap berlaku?	Tarikh pelupusan dianggap berlaku pada tarikh perjanjian bertulis atau tarikh penyelesaian pelupusan.
9	jika tiada perjanjian bertulis bagi pelupusan aset modal, bagaimana tarikh pelupusan ditentukan?	Sekiranya tiada perjanjian bertulis, tarikh pelupusan adalah tarikh penyelesaian pelupusan iaitu – a) pada tarikh aset modal dipindah milik oleh pelupus; atau b) pada tarikh di mana kesemua amaun atau nilai balasan untuk pindah milik itu telah diterima oleh pelupus, yang mana lebih awal.
10	Sekiranya tiada perjanjian bertulis dan pembeli telah membayar 90% daripada jumlah balasan, bolehkah ini dianggap tarikh pelupusan?	Tarikh pelupusan adalah tarikh keseluruhan amaun balasan diterima oleh pelupus. Walau bagaimanapun, tarikh pelupusan dianggap berlaku pada tarikh pindah milik sekiranya aset modal tersebut telah dipindah milik sebelum keseluruhan amaun balasan diterima.
11	Apakah maksud harga pelupusan?	Harga pelupusan adalah amaun atau nilai balasan dalam bentuk wang atau nilai wang setelah ditolak dengan perbelanjaan yang dibenarkan.

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
12	Bagaimana penentuan nilai pasaran saham dilakukan?	Kaedah penilaian saham yang munasabah dan bersesuaian boleh digunakan dalam menentukan nilai pasaran suatu saham. Antara kaedah yang boleh digunakan adalah berdasarkan Nilai Aset Ketara Bersih (NAKB) yang berasaskan kepada penyata kewangan syarikat.
13	Bagaimana laba atau keuntungan daripada pelupusan dikira?	Laba atau keuntungan dikira berdasarkan perbezaan antara harga pelupusan dan harga pemerolehan. Sila rujuk perenggan 9 Garis Panduan CKM Bagi STT.
14	Bolehkah kerugian yang tidak diserap dihantar ke hadapan?	Kerugian larasan aset modal tahun semasa yang tidak dapat diserap boleh dihantar ke hadapan untuk ditolak dengan punca pendapatan larasan yang sama bagi tempoh 10 tahun taksiran berturut-turut.
15	Bolehkah kredit cukai asing dituntut?	Kredit cukai asing boleh dituntut di bawah seksyen 132 atau 133 ACP jika cukai telah dikenakan di luar negara ke atas keuntungan daripada pelupusan aset modal.
16	Adakah transaksi “penebusan saham” dan “pembatalan saham” merupakan suatu pelupusan aset modal?	Penebusan saham dan pembatalan saham melalui pengurangan modal saham merupakan suatu pelupusan aset modal dan keuntungan daripada pelupusan tersebut adalah tertakluk kepada CKM.
17	Adakah syarikat asing yang memiliki saham Syarikat Sdn Bhd di Malaysia yang melupuskan saham syarikat tersebut tertakluk kepada CKM?	Ya, syarikat asing tersebut adalah tertakluk kepada CKM. Syarikat merujuk kepada takrifan syarikat menurut seksyen 2 ACP 1967.
18	Bolehkan syarikat menggunakan <i>par value</i> sebagai nilai pasaran dalam proses pengstruktur semula kumpulan syarikat?	Bagi transaksi pelupusan saham antara orang yang berkaitan, nilai balasan disifatkan pada nilai pasaran saham pada masa pelupusan. Sekiranya <i>par value</i> adalah nilai pasaran saham pada tarikh pelupusan, <i>par value</i> tersebut boleh diambil sebagai nilai balasan pelupusan.

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
19	Bagaimanakah menentukan pendapatan bercukai bagi pelupusan STT?	Menurut subseksyen 65E(7) ACP, pendapatan bercukai adalah pendapatan larasan daripada punca laba atau keuntungan daripada pelupusan aset modal bagi sesuatu tahun taksiran. Pendapatan larasan bagi pelupusan STT ialah perbezaan amaun/nilai balasan pelupusan dan pemerolehan setelah pelarasan dibuat dengan perbelanjaan berkaitan pelupusan dan pemerolehan saham tersebut.
20	Jika balasan pelupusan aset modal adalah selain tunai, bagaimanakah nilai pasaran ditentukan bagi STT tersebut?	Dalam keadaan aset modal dibayar dalam bentuk selain tunai (aset lain), maka nilai pasaran aset lain yang diterima oleh pelupus diambil kira sebagai nilai balasan pelupusan aset modal. Walau bagaimanapun, sekiranya nilai pasaran aset lain yang diterima/ditukar tidak dapat ditentukan, maka nilai pasaran aset modal yang dilupuskan akan diambil sebagai nilai balasan pelupusan.
21	Bolehkah tuntutan bayaran balik CKM dibuat sekiranya perjanjian pelupusan terbatal?	Sekiranya transaksi pelupusan dibatalkan, pelupus boleh mengemukakan rayuan taksiran pindaan bagi tujuan bayaran balik kepada LHDNM yang menguruskan fail cukai pendapatan pelupus.
22	Adakah transaksi pertukaran pemegang amanah bagi sesuatu amanah (tiada perubahan benefisiari dan kepentingan benefisial) yang melibatkan pindah milik STT secara sah daripada pemegang amanah sedia ada kepada pemegang amanah baharu akan tertakluk kepada CKM?	Sekiranya pertukaran pemegang amanah tidak melibatkan perubahan benefisiari dan hak/kepentingan benefisial atas aset, maka pertukaran nama pemegang amanah atas pemegangan saham bukan suatu pelupusan bagi maksud pengenaan CKM. Walau bagaimanapun, apa-apa pelupusan oleh suatu badan amanah yang melibatkan penyerahan hak di bawah suatu amanah adalah tertakluk kepada CKM.

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
23	Adakah akaun pengurusan boleh diterima dalam menentukan nilai pasaran saham (NTA) selain daripada akaun beraudit.	Dalam menentukan nilai pasaran saham, akaun pengurusan (management account) boleh dirujuk. LHDNM menerimapakai akaun pengurusan yang menggambarkan nilai pasaran aset pada tarikh pelupusan.
CKM KE ATAS KEUNTUNGAN DARIPADA PELUPUSAN ASET MODAL ASING (FSI CKM)		
24	Bilakah pengenaan FSI CKM mula berkuat kuasa?	Pengenaan FSI CKM adalah berkuat kuasa mulai 1 Januari 2024.
25	Adakah pelupusan aset modal asing sebelum tahun 2024 dikenakan cukai?	Bagi aset modal asing yang dilupuskan sebelum 1 Januari 2024, keuntungan daripada pelupusan yang diterima di Malaysia pada atau selepas 1 Januari 2024 tidak tertakluk kepada cukai.
26	Apakah maksud "diterima di Malaysia" dalam konteks keuntungan daripada pelupusan aset modal asing?	Diterima di Malaysia bermaksud keuntungan dipindahkan atau dibawa masuk ke Malaysia, sama ada dalam bentuk tunai atau melalui pemindahan dana elektronik, atau kedua-duanya.
27	Apakah syarat pengecualian cukai ke atas keuntungan aset modal asing yang diterima di Malaysia?	Keuntungan daripada aset modal asing yang diterima di Malaysia layak dikecualikan cukai mulai 1 Januari 2024 hingga 31 Disember 2026 sekiranya memenuhi syarat substantif ekonomi yang ditetapkan iaitu: (a) menggaji bilangan pekerja yang mencukupi dengan kelayakan yang diperlukan untuk menjalankan aktiviti ekonomi tertentu di Malaysia; dan (b) melakukan perbelanjaan operasi yang mencukupi untuk menjalankan aktiviti ekonomi tertentu di Malaysia.
28	Bagaimana layanan cukai sekiranya terdapat kerugian daripada pelupusan aset modal asing?	Kerugian pelupusan aset modal asing tidak boleh diambil kira dalam pengiraan pendapatan bercukai.

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
29	Adakah kerugian ke atas pelupusan aset modal di luar negara boleh diserap oleh pelupusan aset lain di Malaysia?	Suatu keuntungan daripada pelupusan aset modal asing dari luar Malaysia akan dikenakan cukai di Malaysia apabila keuntungan tersebut diterima di Malaysia. Apabila kerugian berlaku atas suatu pelupusan di luar negara, kerugian tersebut tidak boleh dibawa masuk ke Malaysia kerana tiada berlaku pindahan masuk tunai atau pindahan dana elektronik. Oleh itu, kerugian atas pelupusan tidak dianggap diterima di Malaysia dan tidak boleh diserap oleh keuntungan daripada pelupusan aset modal yang lain.
30	Adakah pelupusan aset tidak ketara di luar negara tertakluk kepada CKM?	Keuntungan daripada pelupusan aset tidak ketara yang bertempat di luar Malaysia yang dimiliki oleh pemastautin di Malaysia adalah tertakluk kepada CKM dan perlu dilaporkan di dalam Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP).
31	Bagaimanakah pembayar cukai melaporkan keuntungan daripada pelupusan aset modal asing?	Pembayar cukai perlu melaporkan keuntungan daripada pelupusan aset modal asing dalam BNCP mengikut kategori pembayar cukai masing-masing. Sekiranya keuntungan yang diterima layak menikmati pengecualian cukai, pendapatan tersebut masih perlu dilaporkan di dalam BNCP di ruangan yang disediakan.